

1. Isikan KATA HUBUNG yang sesuai bagi ayat-ayat di bawah.

semenjak	tetapi	sementara	agar	dan
----------	--------	-----------	------	-----

- a. Orang kampung semua sudah berkumpul di Dewan Kemasyarakatan _____ ketua kampung belum muncul lagi.
- b. Rambutan, langsung, durian _____ pisang akan dijadikan pembasuh mulut dalam jamuan itu.
- c. Isteri anak-anak Haji Nasir sentiasa berdoa _____ beliau selamat dalam pembedahan itu.
- d. Petani di Kampong Wasan berkebun sayur dahulu _____ menunggu padi akan dituai tidak lama lagi.
- e. Saiful dan adiknya kini tinggal bersama datuknya _____ kedua ibu bapa mereka meninggal.

2. Lengkapkan petikan di bawah dengan kata hubung yang betul.

manakala	selepas	jika	tetapi	kerana
----------	---------	------	--------	--------

Syasya memelihara dua ekor arnab. Arnab-arnab itu diberi nama Si Comel dan Si Gebu. Si Comel mempunyai bulu berwarna coklat 1) _____ bulu Si Gebu berwarna putih.

Syasya menyediakan sebuah sangkar untuk arnab-arnabnya. Dia akan memeriksa dan membersihkan sangkar itu 2) _____ pulang dari sekolah. Arnab-arnab itu akan dibiarkan bergerak bebas di halaman belakang rumahnya pada waktu petang. Syasya akan memandikan Si Comel dan Si Gebu 3) _____ badan arnab-arnab itu kotor.

Sepupu Syasya ingin memelihara Si Comel 4) _____ dia tidak mengizinkannya 5) _____ dia sangat sayang akan kedua-dua ekor haiwan peliharannya itu.

